

## Soalan Yang Sering Di Tanya

Bolehkah ahli keluarga tinggal bersama saya di dalam bilik semasa rawatan dijalankan?

Tidak. Oleh kerana kami menggunakan sinaran bertenaga tinggi, ia adalah sangat merbahaya bagi sesiapa yang berada dalam bilik rawatan kecuali pesakit.

Berapa lamakah kursus rawatan?

Berbeza. Radioterapi pada kebiasaannya diberikan lima kali seminggu (Isnin hingga Juma'at) dan ini berlarutan untuk jangka masa 1 – 7 minggu. Ia adalah sangat penting untuk awda **menghadiri semua perjanjian** rawatan awda.

Setiap sesi rawatan mengambil masa berapa lama?

Awda akan berada di bilik rawatan selama 20 hingga 30 minit.

Apa akan terjadi jika saya terlepas perjanjian?

Adalah sangat penting bagi awda untuk menghadiri semua perjanjian awda. Jika awda terlepas mana-mana perjanjian, pihak kami akan menambah perjanjian tersebut setelah perjanjian terakhir awda.



Sepanjang kursus rawatan adalah disarankan untuk berhenti merokok. Merokok boleh mengurangkan kadar oksigen dalam badan dan radioterapi adalah lebih baik dengan kadar oksigen yang tinggi. Merokok juga boleh memburukkan kesan-kesan sampingan.



Sepanjang kursus rawatan adalah disarankan untuk mengurangkan pengambilan minuman keras kerana ia boleh menyebabkan rasa pedih dikawasan rawatan.



Radioterapi  
**TIDAK**



membuat awda radioaktif



PANTAI JERUDONG  
SPECIALIST CENTRE



## Hubungi Kami

### Waktu Operasi

Isnin - Khamis	8am - 5pm
Jumaat	8am - 12pm 2pm - 5pm


Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Pantai Jerudong Specialist Centre  
Jerudong, BG3122, Brunei Darussalam

T +673 261 3333 (ext. 1002)  
E [radiotherapy.tbcc@gmail.com](mailto:radiotherapy.tbcc@gmail.com)

[www.pjscbrunei.com](http://www.pjscbrunei.com)

## Radioterapi Risalah Maklumat



## Apa itu Radioterapi?

Radioterapi adalah rawatan yang tidak menyakitkan yang digunakan terhadap kanser dengan penggunaan sinaran bertenaga tinggi.

Sinaran bertenaga tinggi ini akan menghalang sel kanser daripada merebak dan berkembang. Apabila sel-sel kanser mati, badan anda mampu untuk membuangnya. Walau bagaimanapun, sel-sel normal mungkin rosak dalam proses rawatan tetapi akan pulih kembali seperti sediakala.

Untuk mengawal penyakit jika ia tidak boleh diubati

Mengelutkan tumor sebelum pembedahan supaya lebih mudah untuk dihapuskan

Merawat penyakit

### KENAPA RADIOTERAPI?

Memusnahkan tumor yang tertinggal selepas pembedahan.

Melegakan gejala untuk kehidupan yang selesa (rawatan paliatif)

### Doktor Onkologi

### Ahli Fizik Perubatan (Medical Physicist)

Seorang pakar perubatan yang pakar dalam pengurusan kanser.

Seorang pakar dalam bidang Fizik yang akan merancang rawatan anda.

### Pakar Radioterapi (Radiation Therapist)

### Jururawat

Profesional yang mahir dalam penjagaan kesihatan yang akan menghadiri sepanjang rawatan anda.

Menjaga pesakit.

## Kursus Rawatan

### Perbincangan (Consultation) (Perundingan rawatan pilihan)

### Skan CT (CT Sim Scan) (Mengambil imej kawasan rawatan)

### Hari Pengesahan (Verification Sim) (Mengesahkan pelan rawatan)

### Rawatan Radiotherapi: setiap hari kecuali hari lepasan awam (Termasuk klinik seminggu sekali)

### Hujung perjanjian rawatan

Jangkaan ketika menjalani rawatan radioterapi?

- Awda akan diminta untuk berbaring di atas katil. Pakar radioterapi (Therapist) kami akan mendudukkan dan menyelaraskan awda kepada posisi yang dimahukan, ketika ini awda diminta untuk tidak bergerak. Posisi rawatan awda adalah sama seperti dengan posisi ketika membuat CT Sim scan.

- Apabila penjajaran siap dilakukan dan kedudukan awda adalah tepat, pakar radioterapi akan meninggalkan ruang untuk memulakan imbasan. Ia adalah penting untuk awda bertengang di sepanjang proses rawatan. Walau bagaimanapun, awda harus bernafas seperti biasa sepanjang prosedur dan awda di minta untuk **TIDAK** bergerak sepanjang rawatan Radiotherapi.

- Therapist akan sentiasa memantau awda melalui CCTV yang ada didalam bilik rawatan semasa rawatan. Oleh itu jika awda memerlukan apa-apa awda boleh melambai atau bercakap dengan kami dan kami akan membantu awda secepat mungkin. Awda tidak akan berasa apa-apa semasa rawatan tetapi awda boleh mendengar bunyi dengungan dari mesin yang menunjukkan bahawa rawatan disampaikan.

### Kesan umum rawatan Radioterapi

Kesan sampingan radioterapi adalah berbeza dan bergantung kepada kawasan tubuh yang dirawat. Kesan sampingan umum ialah:

- Kehilangan rambut sementara atau kekal di kawasan yang dirawat.
- Masalah kulit; kulit mungkin kering dan gatal di kawasan yang dirawat.
- Kulit juga mungkin kelihatan kemerahan untuk sementara waktu.
- Merasa letih dan kurang tenaga.
- Hilang selera makan.